



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HJ. MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KEBUN DI RUMAH SENDIRI
(KENDIRI) SEMPENA MAHA 2026**

**28 OGOS 2026 | JUMAAT
HALL A, MAEPS**

(Salutasi akan dikemaskini semasa majlis)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun bagi menjayakan majlis Majlis Pelancaran Kempen '**Kebun di Rumah Sendiri**' atau singkatannya KENDIRI.
2. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), khususnya Jabatan Pertanian atas komitmen tulus dalam merealisasikan kempen strategik ini. Untuk makluman semua, kempen KENDIRI ini adalah sinambungan daripada Kempen Buku Hijau yang telah dilancarkan pada tahun 1974 oleh Almarhum Tun Abdul Razak. Kini kita jelmakan kembali semangat Buku Hijau itu melalui KENDIRI yang lebih memfokuskan kepada usaha individu dan komuniti setempat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. KENDIRI yang membawa akronim kepada Kebun di Rumah Sendiri merupakan satu usaha KPKM untuk menggalakkan setiap isi rumah dan lapisan masyarakat menghasilkan sebahagian daripada bahan makanan mereka sendiri di kediaman masing-masing. KENDIRI juga dapat meningkatkan kesedaran pertanian domestik di samping membantu mengurangkan perbelanjaan harian dapur rakyat serta memperkukuh asas agenda keterjaminan makanan negara dari peringkat akar umbi.
4. Falsafah utama KENDIRI berteraskan konsep yang amat inklusif, praktikal dan fleksibel. Prinsip utamanya amat mudah: “Gunakan Ruang Yang Kita Ada”. Tuan-tuan dan puan-puan tidak memerlukan sebidang tanah yang luas atau ladang berhektar-hektar untuk bermula. Sama ada kita mendiami rumah bertanah, pangsapuri, kondominium berbalkoni, mahupun ruang kediaman yang sangat terhad, aktiviti menanam tetap boleh dilaksanakan menerusi penggunaan pasu, bekas terpakai, sistem bertingkat mahupun hidroponik.

5. Sasaran akhir KPKM menerusi KENDIRI adalah untuk mentransformasikan ruang kediaman rakyat Malaysia menjadi satu ekosistem domestik yang mampu membekalkan hasil tanaman yang sentiasa segar, bersih, selamat dan bebas daripada racun perosak berlebihan pada bila-bila masa diperlukan.

Hadirin sekalian,

6. Di peringkat KPKM, komitmen Kerajaan terhadap agenda pertanian domestik dan komuniti adalah konsisten. Sejak **Program Pertanian Bandar diperkenalkan pada tahun 2014 di bawah RMKe-10 sehingga kini, Kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah menyalurkan peruntukan keseluruhan mencecah RM114,247,200.00.** Menerusi peruntukan ini, lebih 45,076 kebun komuniti telah menerima faedah serta khidmat nasihat, yang secara keseluruhannya memberi manfaat secara langsung kepada 251,510 orang peserta di seluruh negara.

7. Memasuki fasa RMKe-13, Kerajaan meneruskan komitmen ini dengan menyediakan siling peruntukan sebanyak RM30 juta khusus bagi memperkukuh projek-projek pertanian komuniti di 1,370 lokasi yang disasarkan memberi manfaat kepada 13,700 orang ahli komuniti.
8. Bagi kempen KENDIRI pula, falsafahnya jauh lebih dekat dengan jiwa setiap individu. KENDIRI bukan sebuah program yang menuntut rakyat menunggu insentif, geran atau bantuan barangan daripada Kerajaan. Sebaliknya, KENDIRI adalah satu gerakan sukarela individu boleh kita mulakan sendiri di rumah dengan modal yang sangat minima serta menggunakan bekas terpakai atau ruang yang sedia ada. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian sentiasa menyediakan panduan untuk menyokong iltizam di tangan kita sendiri!

Sidang hadirin sekalian,

9. Realitinya, sektor agromakanan dunia hari ini berdepan dengan pelbagai gelora dan ketidaktentuan global. Antaranya krisis geopolitik, gangguan ketara pada rantai bekalan dunia, tekanan krisis tenaga, serta fenomena perubahan iklim ekstrem yang menjejaskan produktiviti hasil pertanian. Tekanan-tekanan ini secara langsung telah melonjakkan kos pengeluaran dan logistik, yang akhirnya membebankan perbelanjaan dapur seharian rakyat kita.
10. Menerusi KENDIRI, KPKM berhasrat memperkasakan rakyat dengan ilmu pertanian domestik yang praktikal. Kebun di rumah bukanlah bertujuan untuk menggantikan keseluruhan sistem bekalan makanan negara, tetapi ia bertindak sebagai sumber makanan tambahan yang berdaya tahan untuk keluarga. Apabila setiap rumah mampu menanam dan menuai sendiri sebahagian keperluan sayur-sayuran dan herba harian, kita bukan sahaja menjimatkan wang perbelanjaan, malah membina ketahanan keluarga mendepani sebarang krisis atau perubahan iklim. *(YBM boleh berkongsi pengalaman mengusahakan tanaman di rumah kediaman)*

Sidang hadirin yang dihormati,

11. Kempen KENDIRI diangkat berasaskan satu tema yang amat bermakna: *“Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam”*. Apakah rahsia di sebalik ungkapan ini?.
12. “Tanam apa yang kita makan” mengajar kita untuk bersikap untuk mengenal pasti apakah bahan masakan yang paling kerap digunakan di dapur kita seperti cili, sawi, kangkung, daun bawang, pandan, serai, kunyit dan herba masakan harian. Kita tidak perlu bermula dengan menanam puluhan jenis tanaman, cukuplah memulakan langkah berasaskan keperluan asas keluarga.
13. Manakala “Makan apa yang kita tanam” pula mendidik kita untuk memanfaatkan sepenuhnya hasil tuaian kebun sendiri dalam hidangan harian. Hal ini dapat mendidik anak-anak dan generasi muda kita menghargai proses pengeluaran makanan daripada menyemai benih, menyiram, membaja, menjaga, sehinggalah menuai hasil yang segar.

14. KENDIRI menyentuh beberapa perkara utama meliputi kesedaran dan penjimatan. Ianya juga dapat mengubah persepsi bahawa bertani itu susah atau memerlukan tanah luas. Matlamat akhir kita adalah untuk membina komuniti berilmu, berkemahiran dan berdaya tahan dalam menyokong keterjaminan makanan keluarga dan negara.

Hadirin sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia, para pengunjung MAHA 2026, rakan-rakan media serta pihak swasta dan badan NGO untuk bersama-sama menyokong, menyebarkan luas dan menjayakan Kempen KENDIRI ini. Marilah kita jadikan aktiviti menanam di rumah sebagai satu budaya dan amalan kebiasaan baharu yang membanggakan.
16. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, Siru a'la Barakatillah, saya dan kita semua dengan sukacitanya merasmikan KEMPEN KEBUN DI RUMAH SENDIRI (KENDIRI).

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

(817 patah perkataan, 8 minit)